

31/03/2001

Lima usul selesai isu tutup jabatan persuratan

Salbiah Ani

KUALA LUMPUR, Khamis - Sekumpulan ahli akademik, yang menggelar diri mereka Badan Penyelamat Pengajian Melayu, akan mengemukakan lima usul bagi menyelesaikan isu penutupan Jabatan Persuratan Melayu (JPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Badan itu, yang dibentuk selepas Forum JPM-UKM: Pemerkasaan atau Penurunan Status di Rumah Pena di sini petang ini, akan menyerahkan usul itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Pendidikan, Datuk Musa Mohamad; dan Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Anuwar Ali.

Lima usul itu ialah:

- * Pengajian Melayu di UKM perlu disatukan dengan menggabungkan JPM, Jabatan Linguistik dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma);
- * Menolak keputusan Senat UKM meletakkan JPM di bawah Pusat Pengajian Bahasa, Budaya dan Sastera;
- * Bersetuju dengan JPM yang tidak menolak penstrukturan semula FSKK dan menyokong JPM yang tidak bersetuju dengan bentuk penstrukturan semula yang melemahkan dan merendahkan taraf Pengajian Melayu;
- * Penggabungan JPM, Jabatan Linguistik dan Atma dapat memperkasakan Pengajian Melayu di UKM dan menjamin masa depannya; dan
- * Menolak keputusan Senat UKM yang menggabungkan JPM dengan Fakulti Pengajian Bahasa kerana disiplin ilmu yang berbeza.

Pengerusi badan itu, Dr Harun Mat Piah berkata, keputusan UKM jelas bercanggah dengan semangat kebangsaan Melayu yang melahirkan universiti itu.

"Perlu diingat bahawa budayawan dan sasterawan Melayu negara turut memberi sumbangan sehingga UKM berjaya ditubuhkan dan melahirkan cendekiawan Melayu dalam pelbagai bidang," katanya dalam sidang akhbar selepas forum itu.

Forum lebih dua jam itu dihadiri oleh pengamal Pengajian Melayu dari universiti awam negara ini, khususnya bagi membincangkan penutupan JPM-UKM di bawah penstrukturan semula Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (FSKK) UKM.

Ia dipengerusikan oleh Prof Madya Dr Mohamad Mokhtar Hassan dengan panelnya terdiri daripada Prof Dr Siti Hawa Salleh, Prof Madya Dr Sahlan Mohd Saman dan Dr Ismail Hamid.

Dr Harun berkata, usul itu akan dihantar menerusi faksimile dahulu kepada tiga tokoh berkenaan sebelum dihantar secara rasmi.

Katanya, tindakan Senat UKM itu memperlihatkan kegagalan memperkasakan pengajian kesusasteraan, bahasa dan kesenian Melayu bukan saja di universiti itu, malah di negara ini secara keseluruhan.

"Keputusan UKM meletakkan Program Pengajian Melayu di bawah Pusat Pengajian Bahasa, Budaya dan Sastera yang didominasi program bahasa dan kesusasteraan Inggeris, melemahkan dan melesukan bidang persuratan Melayu di UKM, bahkan menghina jati diri Melayu dalam dunia Pengajian Melayu di seluruh negara," ujarinya.

Beliau berkata, sebarang langkah penstrukturan semula yang ingin dilaksanakan UKM dan institusi pengajian tinggi lain di seluruh negara perlu mengambil kira kepentingan jati diri Melayu.

(END)